

UiTM HOLDINGS SDN. BHD.

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- UiTM Holdings Sdn. Bhd. (UiTM Holdings) ialah sebuah Syarikat Berhad Menurut Syer diperbadankan pada 5 Jun 2007 di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dengan modal berbayar awal RM2 dan meningkat kepada RM259.98 juta setakat 31 Disember 2022. Modal berbayar ini terdiri daripada saham biasa berjumlah RM124.38 juta dan Saham Keutamaan Boleh Tukar Boleh Tebus Terkumpul Islam berjumlah RM135.60 juta. UiTM Holdings ialah syarikat milikan penuh Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Prestasi dan pengurusan aktiviti utama UiTM Holdings yang dinilai ialah pelaburan dalam syarikat subsidiari bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Mac 2023.
- Dua perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output UiTM Holdings diukur berdasarkan tiga perkara iaitu petunjuk prestasi utama (KPI); prestasi pelaburan dalam syarikat subsidiari; dan prestasi kewangan Kumpulan UiTM Holdings. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan dua aspek iaitu pulangan dividen tahunan kepada UiTM; dan penjimatan kos tenaga elektrik UiTM.
- Penilaian pengurusan aktiviti pula dibuat terhadap empat perkara iaitu suntikan modal oleh UiTM; aktiviti pelaburan dalam bidang perniagaan Tenaga; aktiviti pelaburan dalam bidang perniagaan Penjagaan Kesihatan; serta hala tuju strategik pelaburan.
- Penilaian terhadap sembilan elemen tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan; Setiausaha Syarikat; Pelan Perniagaan dan KPI; Prosedur Operasi Standard; Jawatankuasa Audit dan Risiko; Audit Dalam; serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan dibuat bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Mac 2023.
- Analisis kedudukan kewangan dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2019 hingga 2022.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Mandat UiTM Holdings adalah untuk mencipta kekayaan kepada UiTM, mencipta peluang pelaburan dan meningkatkan kedudukan strategik perniagaan teras syarikat. Objektif penubuhan syarikat adalah sebagai syarikat pegangan dan membuat pelaburan atau memegang saham, debentur, pinjaman, bon dan sebagainya yang dikeluarkan atau dijamin oleh kerajaan atau pihak lain di dalam dan luar negara; penasihat dan perunding kepada kerajaan dan

pihak lain dalam bidang pendidikan; dan menjalankan perniagaan am.

- Setakat 31 Disember 2022, sejumlah RM259.98 juta telah dilaburkan oleh UiTM kepada UiTM Holdings dalam bentuk suntikan modal dan penukaran pinjaman kepada ekuiti.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, UiTM Holdings masih belum mencapai mandat dan objektif penubuhan sepenuhnya dalam melaksanakan peranan sebagai syarikat pegangan pelaburan dalam syarikat subsidiari yang memberikan pulangan kepada UiTM.
 - Prestasi output adalah tidak memuaskan dari aspek KPI yang tidak mencapai sasaran dan tidak dipantau oleh Lembaga Pengarah UiTM Holdings; serta pelaburan dalam syarikat subsidiari mengalami penjejasan nilai sebanyak 52%. Kedudukan kewangan Kumpulan UiTM Holdings pula kurang stabil dalam tempoh dinilai.
 - Keberhasilan aspek pulangan dividen kepada UiTM belum dapat dinilai namun, keberhasilan projek jana kuasa elektrik solar bumbung adalah berkesan.
- Pengurusan aktiviti pelaburan adalah tidak teratur bagi aspek suntikan modal oleh UiTM kerana tiada kelulusan Menteri Kewangan diperoleh.
- Aktiviti pelaburan dalam bidang perniagaan Tenaga adalah kurang cekap. Terdapat kelemahan dalam pelaksanaan projek jana kuasa solar elektrik berskala besar dan solar bumbung antaranya seperti berikut:
 - tindakan pertukaran syarat nyata tanah UiTM Solar Park I kepada kategori industri masih belum diselesaikan walaupun projek telah beroperasi sepenuhnya sejak tahun 2019 serta denda dan cukai tanah berjumlah RM14.69 juta telah dikenakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan;
 - hakisan tanah yang serius di kawasan projek UiTM Solar Park I dan UiTM Solar Park II;
 - pemasangan kabel yang tidak sempurna menyebabkan kekerapan insiden kabel putus berlaku akibat haiwan perosak di projek UiTM Solar Park II seterusnya menyebabkan kehilangan hasil RM415,019 dan kos gantian kabel RM98,055 bagi tahun 2022 hingga Mac 2023; serta
 - 41% aduan kecacatan pembinaan projek jana kuasa elektrik solar bumbung masih dalam tindakan dan perlu perbincangan lanjut.

- Aktiviti pelaburan dalam bidang perniagaan Penjagaan Kesihatan secara keseluruhannya adalah tidak cekap. Terdapat kelemahan dalam pelaksanaannya seperti berikut:
 - lesen hospital swasta bagi UiTM Private Specialist Centre (UPSC) sedia ada lewat diperbaharui;
 - sasaran lawatan doktor pakar tidak tercapai dengan kurangan sesi antara 12 hingga 14 sesi berbanding 36 sesi yang disasarkan;
 - penggunaan peralatan perubatan utama dengan kos perolehan RM15.23 juta tidak mencapai sasaran kecuali bagi ENT Scope pada tahun 2019 (104%);
 - perjanjian sewaan baharu bangunan PPUiTM masih belum ditandatangani bagi sewaan sejak 1 Julai 2020;
 - masalah siling dan dinding berkulat di bilik dan ruangan hospital; serta
 - pelan hala tuju UPSC masih belum mencapai sasaran.
- Aspek hala tuju strategik pelaburan pula telah dilaksanakan dengan teratur namun masih dalam proses kelulusan Lembaga Pengarah UiTM (LPU).
- Amalan tadbir urus korporat UiTM Holdings berada pada tahap kurang memuaskan dengan tujuh daripada sembilan elemen tidak diamalkan sepenuhnya.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah UiTM Holdings serta pengurusan UiTM dan LPU perlu memberi pertimbangan terhadap syor seperti berikut:
 - memantau pencapaian KPI Kumpulan UiTM Holdings supaya pencapaian sebenar syarikat dibincangkan serta penambahbaikan disyorkan.
 - memastikan kelulusan Menteri Pendidikan Tinggi dan Menteri Kewangan diperolehi sebelum sebarang pinjaman dan suntikan modal diberikan kepada syarikat subsidiari UiTM supaya selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta 173, Akta 598 dan Garis Panduan Pelaburan untuk IPTA April 2004.
 - menambah baik pengurusan aktiviti dalam bidang perniagaan Tenaga seperti menyelesaikan isu pertukaran syarat nyata tanah UiTM Solar Park I; mengambil tindakan penyelesaian sepenuhnya terhadap masalah hakisan tanah dan pemasangan kabel; serta menyelesaikan aduan kecacatan pembinaan projek solar jana kuasa elektrik solar bumbung.
 - menambah baik pengurusan aktiviti dalam bidang perniagaan Penjagaan Kesihatan seperti menyelesaikan dengan segera masalah dan kelemahan dalam pengurusan operasi UPSC; serta memuktamadkan perjanjian sewaan dan menyelesaikan isu penyenggaraan bangunan PPUiTM.

- memastikan hala tuju Kumpulan UiTM Holdings yang jelas bagi menambah baik operasi Kumpulan dan memantau pelaksanaannya.
- menambah baik amalan tadbir urus korporat berkaitan Terma dan Rujukan serta komposisi Lembaga Pengarah; komposisi jawatankuasa peringkat Lembaga Pengarah; program pembelajaran Lembaga Pengarah; serta pelantikan Setiausaha Syarikat.